

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 22 MAC 2023
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4

Sasar pasang 100 mesin IPR Ramadan ini

Sasar pasang 100 mesin IPR Ramadan ini

KUALA SELANGOR – Kerajaan menyasarkan untuk memasang 100 buah mesin layan diri Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) di seluruh negara pada Ramadan ini.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, kementeriannya mendapat permintaan pelbagai pihak untuk memasang mesin tersebut di premis perniagaan mereka.

"Kementerian dapat permintaan beberapa hospital untuk pasang mesin ini, tapi kita perlu dapat izin daripada vendor makanan hospital itu untuk memastikannya.

"Kita tidak mahu menjejaskan pendapatan vendor makanan tersebut," katanya selepas melancarkan mesin makanan layan diri IPR di Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Puncak Alam, di sini semalam.

Ujarnya, lebih banyak mesin ini



RAFIZI (dua dari kanan) bersama pelajar membeli makanan menggunakan telefon pintar di UiTM Puncak Alam, Kuala Selangor semalam.

akan dipasang di Lembah Klang selain menumpukan di beberapa stesen LRT selepas rakyat menyokongnya kerana makanan yang dijual harganya murah.

Jelasnya, kerajaan kini sedang berusaha mengurangkan kadar inflasi bagi memastikan rakyat tidak terlalu terkesan dengan tekanan ekonomi.